Paul Nicholson lwn Faber Medi-Serve Sdn Bhd dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — SAMAN PEMULA NO D8–24–143 TAHUN 2000
WAN ADNAN MUHAMAD H
14 SEPTEMBER 2001

Syarikat dan Perbadanan *— Pengarah-Pengarah — Akaun — Siasatan dokumen syarikat — Sama ada hak pengarah untuk menyiasat dokumen syarikat adalah hak mandatori — Sama ada s 167 Akta Syarikat 1965 memberikan hak mutlak kepada pengarah untuk menyiasat dokumen syarikat*

Ini adalah satu permohonan oleh pengarah defendan pertama ('plaintif') untuk mendapatkan satu perintah bahawa supaya beliau diberikan akses kepada rekod perakaunan dan rekod-rekod lain defendan pertama ('rekod-rekod syarikat'). Plaintif telah meminta defendan pertama supaya membenarkan beliau memeriksa rekod-rekod syarikat tetapi permintaan tersebut telah ditolak. Walau bagaimanapun, defendan pertama menyatakan bahawa ia tidak menolak permintaan plaintif untuk memeriksa rekod-rekod syarikat tetapi hanya menghendaki plaintif mengakujanji bahawa beliau tidak akan mendedahkan dokumen-dokumen syarikat tersebut kepada pihak ketiga ('kebenaran bersyarat'). Menurut defendan pertama, terdapat kemungkinan bahawa rekod-rekod syarikat tersebut akan digunakan terhadapnya berhubung dengan prosiding dalam satu petisyen yang dibuat terhadap defendan pertama ('prosiding tersebut') selaras dengan s 181 Akta Syarikat 1965 ('Akta tersebut').

Diputuskan, membenarkan permohonan plaintif-plaintif tersebut:

(1) Hak seorang pengarah untuk memeriksa dokumen-dokumen syarikat adalah satu hak mandatori yang diperuntukkan di bawah s 167 Akta tersebut. Hak statutori ini telah diberi supaya pengarah dapat menjalankan tanggungjawab-tanggungjawab beliau dengan adil dan saksama demi kepentingan syarikat dan pemegang-pemegang saham. Pengarah berhak untuk dimaklumkan mengenai perkara-perkara yang telah berlaku di dalam syarikat dan maklumat yang sedemikian boleh diperolehi daripada dokumen-dokumen syarikat (lihat ms 360G–I).

(2) Seksyen 167(3) Akta tersebut memberikan satu hak mutlak kepada pengarah tersebut untuk memeriksa dokumen-dokumen dan rekod-rekod syarikat. Oleh itu, kebenaran bersyarat yang telah diberikan oleh defendan pertama kepada permintaan plaintif untuk maklumat merupakan penafian hak mutlak itu (lihat ms 361C–D).

(3) Tidak terdapat keperluan untuk plaintif memberikan akujanji tersebut seperti mana yang diminta oleh defendan pertama, kerana terdapat peruntukan undang-undang bagi memperuntuk-

kannya. Sehubungan itu, juru audit yang dilantik untuk membantu plaintif telah dikehendaki untuk memberikan kepada mahkamah satu akujanji bahawa beliau tidak akan mendedahkan sebarang maklumat yang diperolehi dalam menjalankan kerja-kerja audit tersebut. Ini jelas konsisten dengan peruntukan-peruntukan s 167(6) Akta tersebut (lihat ms 361G–H).

(4) Permohonan plaintif dan prosiding tersebut merupakan dua perkara yang berlainan. Defendan pertama tidak seharusnya berselindung di sebalik isu ini dan menggunakannya sebagai alasan untuk menafikan plaintif akan haknya untuk memeriksa dokumen-dokumen syarikat (lihat ms 362A, C).

[English summary

This was an application by the first defendant's director ('the plaintiff') for an order that he be given access to the accounting and other records of the first defendant ('the company's records'). The plaintiff had requested the first defendant to allow him to inspect the company's records but the request was declined. However, the first defendant stated that it did not refuse the plaintiff's request for inspection of the company's records but merely required the plaintiff to undertake that he would not disclose the company's documents to a third party ('the conditional consent'). According to the first defendant, there was a possibility that the company's records would be used against it in respect of proceedings in a petition made against the first defendant ('the proceedings') pursuant to s 181 of the Companies Act 1965 ('the Act').

Held, allowing the plaintiffs' application:

(1) The right of a director to inspect the company's documents was a mandatory right provided under s 167 of the Act. This statutory right was given so that the director could discharge his responsibilities fairly and equitably for the benefit of the company and the shareholders. The director was entitled to be informed regarding matters that had occurred in the company and such information could be obtained from the company's documents (see p 360G–I).

(2) Section 167(3) of the Act conferred an absolute right to the director to inspect the company's documents and records. Therefore, the conditional consent given by the first defendant to the plaintiff's request for information was a denial of that absolute right (see p 361C–D).

(3) There was no necessity for the plaintiff to give the undertaking as requested by the first defendant, as there were legal provisions to provide for the same. Accordingly, the auditor appointed to assist the plaintiff was required to give to the court an undertaking that he would not disclose any information obtained in the course of

A the audit. This was clearly consistent with the provisions of s 167(6) of the Act (see p 361G–H).

(4) The plaintiff's application and the proceedings were two different matters. The first defendant should not hide behind this issue and use it as an excuse to deny the plaintiff of his right to inspect the B company's documents (see p 362A, C).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai akaun syarikat, lihat 3(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2000 Reissue) perenggan 115–117.

C

Kes-kes yang dirujuk

Conway & Ors v Petronius Clothing Co Ltd & Ors 1978] 1 All ER 1855 (dirujuk)

Geneva Finance Ltd, Re: Quigley v Cook [1997] 7 ACSR 41 (dirujuk)

D *Haw Par Bros (Pte) Ltd v Dato Aw Kaw* [1973] 2 MLJ 169 (dirujuk)

Leong Sun Wing v Wah Hup Engineering Works Sdn Bhd (No 2) (21) MD 3 (dirujuk)

State of South Australia v Barnett (1995) 13 ACLC 1369 (dirujuk)

Welch & Anor v Britannia Industries Pte Ltd [1993] 1 SLR 673 (dirujuk)

E *Wuu Khek Chiang George v ECRC Land Pte Ltd* [1999] 3 SLR 65 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Syarikat 1965 ss 167, (3), (6), 181

F

Teo Cheng Wee (Khaw & Partners) bagi pihak plaintif.

S Suhendran (Zul Rafique & Partners) bagi pihak defendan.

Wan Adnan Muhamad H: Melalui suatu permohonan saman pemula bertarikh 23 Jun 2000 di lampiran 2, Paul Nicholson ('plaintif'), iaitu salah seorang pengarah syarikat Faber Medi-Serve Sdn Bhd ('defendan G pertama'), telah memohon untuk mendapat suatu perintah di bawah peruntukan s 167(3) dan (6) Akta Syarikat 1965 ('Akta tersebut') atau di bawah kuasa sedia ada mahkamah (sila lihat lampiran 2).

Pada tarikh perbicaraan, iaitu 12 September 2000, semasa mendengar permohonan di lampiran 2, kedua-dua pihak bersetuju pindaan dibuat ke H atas lampiran 2 (sila lihat nota prosiding). Selepas hujahan oleh kedua-dua pihak, suatu perintah seperti dipohon di lampiran 2 diberi kepada plaintif dengan pindaan dan kos diberi terhadap defendan pertama.

Berikut adalah perintah tersebut:

I (a) bahawa plaintif, dalam kapasitinya sebagai seorang pengarah defendan pertama dan di dalam ketiadaan plaintif, pengarah ganti beliau, En Paul Hauser adalah diberi akses sepenuhnya dan tidak tersekat untuk memeriksa semua rekod perakaunan dan rekod-rekod

yang lain defendan pertama, kecuali berkenaan dengan dokumen-dokumen terlindung (privileged) berkenaan dengan komunikasi peguamcara dan anak guaman yang berkaitan dengan tindakan ini, pada apa jua masa dan dari masa ke semasa pada waktu pejabat dan tanpa prejudis terhadap hak-hak yang dinyatakan di atas, plaintif, seorang pengarah defendan pertama, dan di dalam ketiadaan plaintif, pengarah ganti beliau, En Paul Hauser diberi hak untuk membuat salinan-salinan, atau mengambil ekstrak, rekod perakaunan dan rekod-rekod yang lain defendan pertama, termasuk dokumen-dokumen, fail-fail, kertas-kertas kerja, report-report, memorandum-memorandum, minit-minit dan segala dokumen-dokumen dalam apa juga deskripsi dan apa jua jenis kepunyaan defendan pertama;

(b) bahawa dalam menjalankan pemeriksaan seperti mana dinyatakan dalam perenggan (a) di atas, plaintif, atau pengarah ganti beliau, En Paul Hauser, diberi hak untuk dibantu oleh seorang yang dilantik oleh plaintif dan dalam apa jua keadaan, dibantu oleh seorang juruaudit syarikat yang diluluskan, atas akujanji bertulis yang diberikan oleh juruaudit tersebut kepada mahkamah yang mulia ini bahawa maklumat-maklumat yang diperolehi juruaudit tersebut tidak akan didedahkan oleh beliau melainkan kepada plaintif atau kepada En Paul Hauser, mengikut keadaan;

(c) bahawa dalam membuat salinan-salinan atau mengambil ekstrak-ekstrak, apa-apa atau segala rekod-rekod yang dirujuk dalam perenggan (a) di atas, plaintif atau pengarah ganti beliau, En Paul Hauser, diberi hak untuk membawa ke dalam premis di mana rekod-rekod yang mungkin disimpan oleh defendan pertama tidak lebih daripada dua mesin fotokopi, dan mana-mana bilangan kakitangan (tidak melebihi tiga orang) untuk membantu plaintif, atau pengarah ganti beliau, En Paul Hauser dalam membuat salinan atau mengambil ekstrak-ekstrak rekod-rekod;

(d) bahawa permohonan lampiran 2 perenggan (b) dibatalkan dengan kebenaran memfailkan semula;

(e) bahawa permohonan lampiran 2 perenggan e dan f dibatalkan; dan

(f) bahawa kos diberi terhadap defendan pertama.

Latarbelakang kes ini bolehlah didapati daripada afidavit sokongan plaintif di lampiran 1. Intipati kes ini, secara ringkas, adalah plaintif ialah pengarah syarikat defendan pertama. Suatu permohonan untuk akses kepada dokumen perakaunan dan rekod-rekod lain (dokumen syarikat) defendan pertama telah dibuat oleh En Paul Hauser iaitu pengarah ganti plaintif. Plaintif telah memohon melalui surat (eksh A lampiran 1) tetapi permohonan tersebut diberi oleh defendan pertama bersyarat (sila lihat perenggan 4–8 di lampiran 1). Justeru itu, plaintif membuat permohonan di lampiran 2.

Defendan pertama menentang permohonan di lampiran 2 dengan memfail afidavit jawapan yang diikrarkan oleh Dato Ikmal Hijaz bin Hashim pengarah defendan pertama (lampiran 4).

A Dalam lampiran 4 tersebut, defendan pertama menafikan yang permohonan plaintif ditolak, tetapi hanya syarat-syarat dikenakan atas sebab bahawa hak pengarah untuk memeriksa bukan tidak terbatas dan adalah tertakluk kepada tanggungj awab pengarah kepada syarikat.

Syarat-syarat yang diberi adalah seperti di perenggan-perenggan 8–18
B di lampiran 4.

Di perenggan 26, lampiran 4 pula digariskan sebab-sebab mengapa permohonan di lampiran 2 harus ditolak.

Dalam hujah bertulisnya, peguam defendan pertama tidak mempertikai hak plaintif sebagai pengarah untuk memeriksa dokumen syarikat dan
C mempersoalkan sama ada hak itu 'absolute' atau 'qualified'. Beliau menghujahkan bahawa hak pengarah untuk memeriksa dokumen syarikat tidak terpakai jika pengarah tersebut berminat untuk menggunakan dokumen tersebut bagi mengkhianati tanggungjawab 'fiduciary'nya terhadap syarikat. Beliau mengemukakan beberapa kes antaranya seperti: *Conway & Ors v Petronius Clothing Co Ltd & Ors* [1978] 1 All ER 185;
D *Re Geneva Finance Ltd: Quigley v Cook* [1997] 7 ACSR 415; *Wuu Khek Chiang George v ECRC Land Pte Ltd* [1999] 3 SLR 65.

Selanjutnya, beliau menghuraikan apa yang dikatakan tanggungjawab 'fiduciary' pengarah seperti berikut:

E (1) tanggungjawab untuk bertindak secara bona fide bagi kepentingan syarikat secara keseluruhan dan tidak mempunyai maksud lain 'collateral purposes': *State of South Australia v Barnett* [1995] 13 ACLC 1369;

(2) tanggungjawab supaya tidak berlaku percanggahan kepentingan 'conflict of interest';

F (3) tanggungjawab 'confidentiality'.

Peguam defendan pertama menghujahkan bahawa defendan pertama tidak membenarkan akses kepada dokumen syarikat kerana defendan pertama mendapati plaintif tidak mahu memberi akujanji yang dokumen-dokumen tersebut tidak akan ditunjukkan kepada pihak lain (lihat eksh FMS-4
G afidavit plaintif dan perenggan 8 lampiran 4).

Peguam defendan pertama juga mendedahkan bahawa wujudnya petisyen di bawah peruntukan s 181 Akta tersebut dan membuat andaian bahawa dokumen-dokumen tersebut akan digunakan dalam prosiding tersebut nanti.

H Jika diteliti hujah bertulis peguam plaintif yang panjang lebar, saya dapat rumuskan bahawa saranannya ialah plaintif sebagai pengarah defendan pertama mempunyai hak mutlak (absolute) untuk mendapat dan memeriksa dokumen-dokumen dan rekod lain syarikat dari masa ke masa bagi menunaikan tanggungjawabnya sebagai pengarah syarikat, dan beban bukti yang berat terletak ke atas bahu pihak defendan pertama yang plaintif
I akan menyalahgunakan dokumen-dokumen tersebut bertentangan dengan kepentingan syarikat dan bukan semata-mata atas syak wasangka tetapi hendaklah berlandaskan bukti nyata. Peguam plaintif mengemukakan kes-

kes seperti: *Leong Sun Wing v Wah Hup Engineering Works Sdn Bhd (No 2)* (21) MD 3, 2 MSCLC 8019; *Wuu Khek Chiang George v ECRC Land Pty Ltd.*

Daripada fakta kes, jelas bahawa pihak defendan tidak menghalang plaintif akses kepada dokumen syarikat, tetapi mengenakan syarat seperti dinyatakan dalam afidavit jawapan defendan pertama di lampiran 4 (sila lihat surat defendan pertama kepada En Paul Hauser iaitu eksh C lampiran 1).

Pihak defendan pertama juga menentang permohonan di lampiran 2 atas sebab permohonan tersebut terlampau luas.

Pada hemat saya, persoalannya begitu jelas. Adakah hak statutori plaintif sebagai pengarah di bawah peruntukan s 167 Akta tersebut dinafikan apabila pihak defendan pertama hanya membenarkan akses kepada dokumen syarikat bersyarat? Selanjutnya, adakah hak plaintif di bawah peruntukan s 167 Akta tersebut 'absolute'? Atas persoalan inilah nanti saya akan menggariskan jawapannya.

Adalah tidak lengkap jika peruntukan s 167 Akta tersebut tidak diperturunkan. Oleh itu, bagi memudahkan rujukan nanti, berikut dipaparkan kandungan relevan peruntukan seksyen tersebut sebegini:

> Every company and the directors and managers thereof shall cause to be kept such accounting and other records as will sufficiently explain the transactions and financial position of the company and enable true and fair profit and loss accounts and balance sheets and any documents required to be attached thereto to be prepared from time to time, and shall cause those records to be kept in such manner as to enable them to be conveniently and properly audited.
>
> (3) The records referred to in subsection (1) shall be kept at the registered office of the company or at such other place in Malaysia as the directors think fit and shall at all times be open to inspection by the directors.
>
> (6) The Court may in any particular case order that the accounting and other records of a company be open to inspection by an approved company auditor acting for a director, but only upon an undertaking in writing given to the Court that information acquired by the auditor during his inspection shall not be disclosed by him except to that director.

Pada pendapat saya, hak pengarah untuk akses kepada dokumen syarikat adalah hak mandatori yang diperuntukkan oleh undang-undang (s 167 Akta tersebut) dan tiada sesiapa pun boleh melucutkan hak tersebut malahan oleh mahkamah sendiri, melainkan di luar peruntukan s 167 tersebut. Hak statutori tersebut diperuntukan supaya tanggungjawab yang dipikul oleh seseorang pengarah sesebuah syarikat dapat dilaksanakan dengan telus, adil dan saksama bagi manfaat syarikat khususnya dan menjaga kepentingan pemegang-pemegang saham amnya. Seseorang pengarah berhak mengetahui apa yang berlaku dalam syarikatnya. Pengetahuan boleh didapati melalui dokumen-dokumen syarikat seperti rekod akaun dan rekod-rekod yang lain. Kewujudan perkataan 'rekod-rekod lain' dalam peruntukan s 167(3) digubal khusus supaya tanggungjawab pengarah dapat dilaksanakan dengan menyeluruh. Ia

merangkumi apa-apa rekod yang berada dalam pegangan syarikat. Untuk menjaga kepentingan syarikat, peruntukan tersebut memperuntukkan bahawa dokumen syarikat hanya untuk kegunaan pengarah sahaja dan bukan untuk orang lain. Hak akses kepada dokumen syarikat gugur apabila seorang pengarah tidak lagi memegang jawatan pengarah (lihat *Haw Par Bros (Pte) Ltd v Dato Aw Kaw* [1973] 2 MLJ 169). Ini adalah hasrat tersirat penggubal undang-undang bagi menghindar penyelewengan terjadi dengan sewenang-wenangnya dalam sesebuah syarikat.

Seperkara dengan ini, saya bersetuju dengan keputusan Mahkamah Rayuan Singapura dalam kes *Haw Par Bros (Pte) Ltd v Dato' Aw Kaw* yang mengatakan bahawa peruntukan s 167(3) (sama dengan peruntukan s 167(3) Akta tersebut) memberi hak mutlak (absolute right) kepada pengarah untuk akses kepada dokumen-dokumen dan rekod-rekod. Keputusan kes tersebut diikut oleh Zakaria Yatim HMT (beliau pada ketika itu) dalam kes *Leong Sun Wing v Wah Hup Engineering Works Sdn Bhd.* Oleh demikian, kebenaran bersyarat oleh defendan pertama atas permohonan plaintif boleh dianggap sebagai suatu penafian hak mutlak plaintif yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Pihak defendan pertama juga membangkitkan bahawa plaintif enggan memberi akujanji bahawa dokumen syarikat tidak akan didedah kepada pihak lain. Saranan ini berdasar kepada kenyataan dalam afidavit plaintif yang dipetik oleh peguam defendan pertama dalam hujah bertulisnya seperti berikut (dalam bahasa asal):

> You demand that Mr Nicholson and I furnish an undertaking that any information we obtain 'will not in any circumstances be disclosed to any third party and will be used except for proper corporate purposes of FMSD.' Mr Nicholson and I are directors of FMS, and are therefore bound by our fiduciary obligations to exercise our powers responsibly and for proper corporate purposes. We would be quite happy to give undertakings to the company to that effect, although given that such obligations are already imposed on us, by law such an undertaking would be for all practical purposes, redundant. We refuse however, to give any undertaking that documents 'will not under any circumstances be disclosed to any third party'. There might very well be circumstances where such disclosure is consistent with and indeed even required by the interests of the company.

Jika diteliti, kenyataan tersebut dengan jelas menyatakan akujanji tidak perlu diberi kerana wujudnya peruntukan undang-undang yang sudah memperuntukkan sedemikian. Sehubungan itu, perintah yang diberi oleh saya mengenakan akujanji bertulis oleh juruaudit kepada mahkamah. Ini adalah selaras dengan peruntukan s 167(6) Akta tersebut yang dengan jelas menyatakan atas akujanji bertulis kepada mahkamah. Tiada peruntukan undang-undang yang memberikan responden mengenakan akujanji.

Atas persoalan bahawa wujudnya tindakan (D6–26–50–1999) di bawah peruntukan s 181 Akta tersebut yang dibawa oleh Medlux Overseas (Guernsey) Ltd (Medlux) terhadap defendan pertama dan pengarah-pengarah defendan pertama (sila lihat lampiran 4), saya bersependapat dengan hujah peguam plaintif bahawa tindakan tersebut tidak melibatkan relief terhadap defendan pertama, tetapi untuk relief ke atas pengarah-

pengarah defendan pertama. Lagipun, defendan pertama tidak boleh berselindung di bawah persoalan tersebut untuk menafikan hak plaintif sebagai pengarah kepada dokumen syarikat di bawah peruntukan s 167 Akta tersebut. Di sini, saya ingin menarik perhatian kepada petikan kata-kata Kan Ting Chu PK dalam kes *Welch & Anor v Britannia Industries Pte Ltd* [1993] 1 SLR 673 di ms 681–682 (dalam bahasa asal):

> The improper motives referred by Slade J must be motives improper against the company. An intention to wrest control of the company from Rajan Pillai cannot be regarded as synonymous with an intention to injure the company ... When there is suspicion and lack of co-operation, a director is all the more entitled, perhaps even obliged, to inspect company accounts to protect the interests of the company and its shareholders. The right is not only to be exercised or the duty imposed when there is harmony within the company.

Oleh yang demikian, pada hemat saya, permohonan di lampiran 2 dan tindakan D6–26–50–1999 adalah dua perkara yang berlainan. Defendan pertama juga melahirkan kebimbangan yang permohonan plaintif itu terlampau luas. Saya tidak nampak bagaimana perintah yang diberi tidak boleh dilaksanakan. Defendan pertama hanya membuat dakwaan tanpa mengemukakan sebarang bukti. Kebimbangan defendan pertama terpelihara kerana perintah yang diberi bersesuaian dengan peruntukan s 167 Akta tersebut dan kebimbangan defendan pertama telah diambil kira sebelum saya membenarkan permohonan plaintif. Defendan pertama gagal menunjukkan bukti jitu yang plaintif akan menggunakan dokumen syarikat bertujuan memudaratkan kepentingan syarikat dan bukan sekadar andaian dengan wujudnya kes D6–26–50–1999 (lihat *Wuu Khek Chiang George v ECRC Land Pte Ltd* [1999]). Pendek kata, perintah yang diberi untuk lampiran 2 bukan sahaja untuk kepentingan plaintif, malahan perintah tersebut mengandungi sekatan-sekatan bagi menjamin ia tidak di salahgunakan.

Permohonan plaintif dibenarkan.

Dilaporkan oleh Lim Lee Na